

Mansuh AUKU selari perancangan KPT



Oleh Prof Dr Ahmad Martadha Mohamed
bhrencana@bh.com.my

Naib Canselor
Universiti Utara
Malaysia (UUM)

Pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, untuk memansuhkan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) sangat penting dalam perjalanan reformasi pendidikan tinggi.

Ketika menyampaikan Ucapan Dasar Presiden PKR di Kongres Nasional Keadilan 2026 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka, Anwar menyatakan

kan ia setelah mengambil kira tuntutan mahasiswa.

Sebagai universiti awam (UA), Universiti Utara Malaysia (UUM) menghargai komitmen itu, khususnya dalam kerangka transformasi pendidikan tinggi lebih luas.

Kenyataan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, susulan pengumuman itu memberi gambaran lebih lengkap kepada masyarakat.

Zambry menjelaskan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sudahpun mengambil kira keperluan memperbaharui kerangka perundangan pendidikan tinggi negara melalui Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia (RPTM) 2026-2035, dilancarkan 20 Januari lalu.

Ini bermakna reformasi terhadap AUKU bukan baru muncul akibat desakan mahasiswa semata-mata, sebaliknya sudah berada dalam kerangka perancangan strategik KPT lebih awal melalui agenda pembentukan Akta Satu Pendidikan Tinggi (OHEA) komprehensif.

AUKU sering dilihat lebih kepada perspektif kebebasan mahasiswa seperti berpersatuan, kegiatan politik, bersuara atau hubungan mahasiswa dengan pentadbiran universiti.

Sememangnya suara mahasiswa tidak boleh dipisahkan daripada universiti yang matang tetapi AUKU bukan akta diwujudkan hanya untuk mengawal mahasiswa.

AUKU antara kerangka perundangan utama yang menjadi asas kepada penubuhan, penyelenggaraan, pentadbiran dan tadbir urus UA. Ia menyentuh struktur universiti, pihak berkuasa universiti, mekanisme pentadbiran dan pelbagai aspek lain jauh melangkaui hal ehwal kemahasiswaan.

Justeru, pemansuhan AUKU tidak boleh dilihat seperti memansuhkan peraturan disiplin mahasiswa dan kemudian keseluruhan proses selesai. Apabila akta induk digantikan, negara perlu memastikan tiada kekosongan perundangan atau ketidakpastian dalam tadbir urus institusi pendidikan tinggi (IPT).

Dalam konteks ini, penjelasan Zambry bahawa pemansuhan AUKU perlu disusuli dengan suatu kerangka perundangan baharu lebih menyeluruh, progresif dan sesuai dengan keperluan masa kini amat tepat.

RPTM 2026-2035 memberikan asas cukup jelas terhadap arah perubahan itu. Pelan berkenaan tidak melihat pembaharuan pendidikan tinggi semata-mata daripada perspektif mahasiswa, tetapi mengambil pendekatan ekosistem.

Antara dalam radar pembaharuan ialah pengukuhan struktur tadbir urus IPT, autonomi institusi, kecakapan lembaga, kepemimpinan universiti, kebebasan akademik serta pembentukan kerangka perundangan lebih tersusun.

Cadangan OHEA menunjukkan aspirasi untuk melihat semula landskap perundangan pendidikan tinggi

lebih menyeluruh, termasuk hubungan antara kerangka perundangan sedia ada dan keperluan sektor pendidikan tinggi semakin kompleks.

Universiti berdepan pelbagai revolusi

Universiti kini tidak beroperasi dalam persekitaran sama seperti pada 1971. Ia berhadapan revolusi kecerdasan buatan (AI), pendidikan rentas sempadan, mobiliti global mahasiswa dan akademik, pembelajaran digital, kerjasama industri, pengkomersialan penyelidikan, pembiayaan alternatif, tuntutan autonomi serta persaingan global mendapatkan bakat, sekali gus undang-undang mengawal ekosistem pendidikan tinggi juga perlu berkembang.

Masyarakat, khususnya warga pendidikan tinggi, perlu mempunyai jangkaan realistik. Pengumuman pemansuhan menjadi permulaan kepada satu proses besar dan tidak bermakna akta berkenaan boleh hilang serta-merta tanpa kerangka pengganti.

Ia tentunya akan mengambil sedikit masa. Kerangka baharu mesti mengenal pasti struktur tadbir urus universiti, autonomi institusi, kedudukan lembaga universiti, kuasa dan akauntabiliti pengurusan, kebebasan akademik, suara mahasiswa, mekanisme semak dan imbang, pembiayaan, hubungan dengan kerajaan dan industri.

Lebih penting, ia perlu memastikan universiti terus dapat beroperasi secara sah dan teratur sepanjang tempoh peralihan.

Mahasiswa sudah tentu perlu diberikan ruang bermakna. Namun, mahasiswa bukan satu-satunya pemegang taruh.

Proses menggubal undang-undang pendidikan tinggi baharu perlu membabitkan kepimpinan universiti, ahli akademik, mahasiswa, kakitangan universiti, UA dan swasta, politeknik dan kolej komuniti, institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), pemain industri, pakar perundangan serta dasar pendidikan, alumni, masyarakat sivil dan pihak berkepentingan lain.

Pada masa sama, rang undang-undang (RUU) baharu perlu melalui Parlimen hingga menjadikan libat urus dengan wakil parti politik juga amat penting.

Reformasi pendidikan tinggi sebaik-baiknya tidak menjadi agenda partisan. Kerajaan perlu mendapatkan pandangan Ahli Parlimen daripada kerajaan dan pembangkang supaya apabila RUU baharu dibentangkan kelak, terdapat kefahaman lebih luas mengenai rasional, struktur dan matlamatnya.

Jika boleh, kita mahukan kerangka pendidikan tinggi mempunyai legitimasi merentas parti kerana universiti dan masa depan generasi muda tidak seharusnya berubah arah setiap kali berlaku pertukaran kerajaan.

Justeru, setelah komitmen pemansuhan AUKU itu, semua pihak perlu memberikan masa munasabah kepada KPT untuk melaksanakannya dengan tertib.

Desakan untuk perubahan adalah sebahagian demokrasi. Namun selepas keputusan dasar dibuat, tanggungjawab kita adalah memastikan perubahan itu dilaksanakan dengan baik.

Lebih baik kita mengambil sedikit masa untuk membentuk kerangka kukuh daripada terburu-buru menggantikan satu undang-undang tetapi akhirnya mencipta lebih banyak ketidakpastian.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH